

3

TINJAUAN MAKROEKONOMI

- Perspektif Keseluruhan
- Sektoral

Rencana 3.1 – Teknologi Disruptif: Peluang dan Cabaran

- Permintaan Domestik
- Sektor Luar Negeri

Rencana 3.2 – Impak Perang Perdagangan kepada Ekonomi Malaysia

- Harga

Rencana 3.3 – Penentu Inflasi di Malaysia

- Pasaran Buruh
- Kesimpulan



3 | TINJAUAN MAKROEKONOMI

Perspektif Keseluruhan

Prospek ekonomi Malaysia kekal menggalakkan terutamanya disokong oleh permintaan domestik yang kukuh. Di samping itu, pertumbuhan ekonomi dan perdagangan global yang stabil, permintaan terhadap E&E yang terus berkembang serta kenaikan harga minyak dijangka menyokong pertumbuhan eksport. Sehubungan itu, KDNK benar dijangka berkembang 4.8% pada 2018 setelah mencatat kadar pertumbuhan 4.9% dalam tempoh separuh pertama 2018. Pada 2019, pertumbuhan diunjur terus meningkat 4.9%. Walaupun prestasi ekonomi berdaya tahan, namun terdapat risiko pertumbuhan yang lebih perlahan akibat peningkatan ketidakpastian persekitaran global termasuk konflik perdagangan, volatiliti dalam pasaran kewangan dan harga minyak global serta ketegangan geopolitik.

Perbelanjaan sektor swasta akan kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan yang mengimbangi kesan perbelanjaan sektor awam yang lebih rendah pada 2018 dan 2019. Pertumbuhan guna tenaga dan gaji yang stabil, persekitaran pembiayaan yang kondusif dan inflasi yang sederhana akan terus menyokong penggunaan swasta yang merangkumi sekitar 55% daripada KDNK. Sementara itu, pelaburan swasta dijangka berkembang dengan sebahagian besar perbelanjaan modal disalurkan dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan. Sebaliknya, perbelanjaan awam dijangka merekodkan pertumbuhan lebih perlahan berikutan inisiatif Kerajaan untuk menyemak dan menyusun semula keutamaan perbelanjaan tanpa menjejaskan pertumbuhan ekonomi serta perbelanjaan modal yang lebih rendah oleh syarikat awam.

Dari sudut penawaran, pertumbuhan dijangka didorong oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan. Sektor perkhidmatan dijangka terus kukuh disokong oleh aktiviti penggunaan dan pelancongan domestik serta permintaan kukuh bagi perkhidmatan ICT, pengangkutan dan kewangan. Sektor pembuatan dianggar mencatat pertumbuhan stabil selaras dengan perkembangan dalam industri semikonduktor global. Walaupun pertumbuhan sektor pertanian dan perlombongan dijangka menguncup secara

marginal tahun ini, namun prestasi sektor ini dijangka kembali pulih pada 2019 berikutan peningkatan pengeluaran minyak sawit mentah (CPO) dan gas asli cecair (LNG). Sektor pembinaan diunjur berkembang secara menyederhana pada 2018 terutamanya disebabkan oleh beberapa projek mega yang hampir siap serta harta tanah tidak terjual terutamanya dalam subsektor bukan kediaman. Pada 2019, sektor ini dijangka terus berkembang secara marginal disokong oleh peningkatan dalam penawaran baharu dirancang bagi segmen rumah mampu milik dan industri.

Sektor luar dijangka kekal berdaya tahan pada 2018 disokong oleh prestasi ekonomi dan perdagangan global yang stabil. Walau bagaimanapun, eksport pada 2019 dijangka berkembang secara sederhana selari dengan aktiviti perdagangan global yang lebih perlahan. Sementara itu, lebih akaun semasa dianggar mengecil berikutan peningkatan defisit dalam akaun perkhidmatan dan pendapatan.

Sektoral

Sektor Perkhidmatan

Sektor perkhidmatan berkembang 6.5% (y-o-y) dalam tempoh separuh pertama 2018 diterajui oleh subsektor perdagangan borong dan

Jadual 3.1. KDNK mengikut Sektor 2017 – 2019
(Pada harga malar 2010)

	Bahagian (%)	Perubahan (%)		
	2018 ¹	2017	2018 ¹	2019 ²
Perkhidmatan	55.3	6.2	6.3	5.9
Pembuatan	23.0	6.0	4.9	4.7
Perlombongan	8.0	1.0	-0.6	0.7
Pertanian	7.8	7.2	-0.2	3.1
Pembinaan	4.5	6.7	4.5	4.7
KDNK	100.0	5.9	4.8	4.9

¹ Anggaran.

² Unjuran.

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran dan tidak termasuk komponen duti import.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

runcit; kewangan dan insurans; maklumat dan komunikasi; serta makanan & minuman dan penginapan. Sektor perkhidmatan yang merangkumi sekitar 55% daripada KDNK dijangka berkembang 6.3% pada 2018 dan 5.9% pada 2019 mencerminkan peningkatan dalam semua subsektor berikutan kepelbagaian sektor ini.

Pertumbuhan subsektor perdagangan borong dan runcit dijangka kekal kukuh 7% pada 2018 dan 6.3% pada 2019. Perkembangan ini selari dengan peningkatan aktiviti penggunaan terutamanya dengan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) berkadar sifar selama tiga bulan dan peningkatan kadar gaji minimum. Di samping itu, pertumbuhan subsektor ini turut disokong oleh peningkatan jualan melalui platform e-dagang. Sehingga September 2018, lebih kurang 3,800 PKS telah menyertai platform Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ).

Pada 2018, subsektor kewangan dan insurans dijangka meningkat 5.5% disokong oleh aktiviti insurans berikutan pendapatan premium yang lebih tinggi dan tuntutan yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, segmen kewangan dianggar berkembang pada kadar lebih perlahan disebabkan oleh pendapatan berasaskan fi yang lebih rendah. Pada 2019, subsektor ini diunjur berkembang 5.3% disokong oleh pemberian pinjaman bank yang berterusan selaras dengan aktiviti ekonomi yang stabil.

Pertumbuhan dalam subsektor maklumat dan komunikasi diunjur meningkat 8.1% pada 2018 dan 8% pada 2019 terutamanya berikutan peningkatan penggunaan perkhidmatan jalur lebar dan aplikasi pintar. Tambahan pula, peningkatan aktiviti pendigitalan dalam ekonomi dijangka mendorong peningkatan pertumbuhan dalam subsektor ini. Pelaksanaan Mandatori Mengenai Penetapan Harga Akses dijangka mengurangkan harga jalur lebar dan menambah baik kualiti perkhidmatan seterusnya memberi manfaat kepada pengguna dan meningkatkan pertumbuhan subsektor.

Subsektor hartanah dan perkhidmatan perniagaan dijangka meningkat 7.3% pada 2018 didorong oleh permintaan berterusan untuk perkhidmatan profesional terutamanya guaman dan perakaunan. Walau bagaimanapun,

segmen hartanah diunjur menyederhana selari dengan pertumbuhan yang perlahan dalam pasaran harta tanah. Pada 2019, subsektor ini dijangka berkembang 6.6% terutamanya disokong oleh segmen perkhidmatan perniagaan berikutan peningkatan kecekapan selaras dengan perkembangan dalam perkhidmatan berkaitan ICT.

Subsektor pengangkutan dan penyimpanan diunjur berkembang 5.8% pada 2018 dan dijangka merekodkan 5.5% pada 2019 dipacu oleh segmen pengangkutan darat. Pertumbuhan segmen ini terutamanya disokong oleh pergerakan penumpang yang lebih tinggi sempena musim perayaan, cuti sekolah dan pilihan raya umum. Peningkatan ini dijangka turut disumbangkan oleh pertambahan kapasiti Perkhidmatan Tren Elektrik (ETS) dengan perolehan unit tren baharu. Sementara itu, segmen pengangkutan udara dijangka meningkat terutamanya disumbangkan oleh pengenalan laluan dan pembelian kapal terbang baharu, harga tambang yang lebih kompetitif serta proses kelulusan visa yang lebih cepat. Walau bagaimanapun, jumlah ketibaan dan hasil terimaan pelancong antarabangsa dijangka menyederhana berikutan

Jadual 3.2. Prestasi Sektor Perkhidmatan 2017 – 2019

(Pada harga malar 2010)

	Bahagian (%)	Perubahan (%)		
	2018 ¹	2017	2018 ¹	2019 ²
Perdagangan borong dan runcit	15.4	7.1	7.0	6.3
Kewangan dan insurans	6.8	4.6	5.5	5.3
Maklumat dan komunikasi	6.2	8.4	8.1	8.0
Hartanah dan perkhidmatan perniagaan	4.6	7.4	7.3	6.6
Pengangkutan dan penyimpanan	3.6	6.2	5.8	5.5
Makanan & minuman dan penginapan	3.0	7.4	8.1	6.9
Utiliti	2.5	2.9	4.7	4.6
Perkhidmatan lain	4.4	5.1	5.3	5.1
Perkhidmatan kerajaan	8.7	4.9	4.4	4.2
Perkhidmatan	55.3	6.2	6.3	5.9


¹ Anggaran.

² Unjuran.

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

Rajah 3.1. Penunjuk Terpilih Sektor Perkhidmatan


¹ Anggaran.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia; Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia; tujuh pelabuhan utama (Bintulu, Johor, Klang, Kuantan, Kuching, Pulau Pinang dan Tanjung Pelepas); Malaysia Airports Holdings Berhad dan Lapangan Terbang Antarabangsa Senai.

Rencana 3.1**Teknologi Disruptif: Peluang dan Cabaran****Pengenalan**

Inovasi teknologi yang semakin canggih telah mentransformasikan dunia pada kelajuan yang pantas seterusnya membolehkan perniagaan menjadi lebih maju dan cekap. Teknologi baharu telah menggantikan banyak mesin dan peralatan tradisional seperti mesin taip, cakera liut, pencetak matriks dan telefon talian tetap. Teknologi disruptif merapatkan sempadan melalui ketersambungan yang lebih baik dan menggantikan operasi pasaran tradisional.

Pendigitalan boleh berfungsi sebagai disruptif dan pemboleh daya perniagaan (IMF, 2018). Teknologi digital seperti analisis data raya (BDA), kecerdasan buatan (AI), *Internet of Things* (IoT) dan pengkomputeran awan membantu perniagaan dan individu dalam meningkatkan keupayaan. Teknologi disruptif akan mengubah cara hidup masyarakat, bekerja dan bermain. Industri yang mengguna pakai teknologi ini akan mengubah cara menjalankan perniagaan melalui penyediaan barangan dan perkhidmatan yang lebih fleksibel, tepat, berkualiti tinggi dan mengikut kehendak pelanggan. Hasilnya, banyak produk dicipta termasuk kereta, bas dan kereta api tanpa pemandu; robot berautonomi; dron; bandar pintar dan penstriman realiti maya adalah inovasi yang berada dalam pasaran.

Rajah 3.1.1. Teknologi Digital Canggih

Sumber: SME Corp. Malaysia.

Peluang dalam Teknologi Disruptif

Teknologi disruptif menggandakan pertumbuhan dalam ekonomi digital dan mengoptimumkan pelaburan digital. Selari dengan perkembangan ini, banyak firma telah mendapat manfaat daripada kemajuan digital untuk menambah baik operasi dan model perniagaan. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh firma global terkemuka seperti Airbnb dan Trivago dalam industri perhotelan; LAZADA dan Alibaba dalam sektor runcit; serta UBER dan GRAB dalam sektor pengangkutan. Syarikat perisian semakin bertambah dengan memanfaatkan kemajuan teknologi digital untuk membangunkan aplikasi bagi kilang pintar, kamera pintar, pengangkutan, rumah pintar dan perniagaan dalam talian.

Kilang Pintar

Kilang pintar merupakan konsep pembuatan baharu yang menggunakan pelbagai aplikasi perisian bagi mengubah data operasi kepada maklumat perniagaan seterusnya membolehkan firma meningkatkan daya saing. Kilang masa depan ini beroperasi secara berautonomi untuk mengenal pasti dan membaiki sebarang kerosakan serta kegagalan fungsi melalui teknologi gabungan seperti sensor pintar, AI, BDA dan IoT. Penggunaan teknologi ini akan membolehkan semua maklumat berkaitan dipapar untuk pemantauan pada masa nyata tanpa menjejaskan operasi dan pengeluaran kilang.

Teknologi Sensor

Kamera pintar yang menampilkan pelbagai resolusi megapiksel, dimensi kamera, teknologi canggih serta nilai tambah fungsi analitik kini berada di pasaran. Perkembangan ini dapat memenuhi keperluan pelbagai aplikasi bagi tujuan pemantauan tanpa halangan di kawasan yang luas dan terbuka seperti terminal lapangan terbang, pusat membeli-belah, stesen kereta api dan pejabat. Teknologi ini mempunyai ketepatan yang tinggi untuk menganalisis objek dan mengira bilangan individu di samping mengoptimumkan pengurusan keselamatan serta meningkatkan pengurusan dalam premis komersial melalui data trafik dan analitik visual.


Pengangkutan

Sementara itu, syarikat aplikasi e-panggilan memberi tumpuan untuk memperkukuh sistem pendaftaran bagi meningkatkan keselamatan pemandu dan penumpang. Sebagai contoh, teknologi IoT diguna pakai untuk mempromosi aplikasi sewa kereta Moovit dan aplikasi CatchThatBus untuk menempah tiket bas di Malaysia. Di samping itu, aplikasi Smart Selangor Parking telah dibangunkan bagi menangani masalah lalu lintas dan kesukaran membayar parkir letak kereta. Penggunaan aplikasi IoT dan BDA telah membolehkan pegawai penguat kuasa menyemak sama ada caj parkir letak kereta telah dibayar dengan mengimbas nombor pendaftaran kereta. Pada masa sama, pegawai penguat kuasa boleh mengeluarkan saman serta membolehkan pesalah membuat pembayaran segera melalui aplikasi tersebut.

Aktiviti Sosial dan Perniagaan

Di Malaysia, telefon pintar kekal sebagai kaedah paling popular untuk pengguna mengakses internet yang membolehkan negara mencapai status masyarakat berorientasikan mudah alih.¹ Pada 2017, terdapat sebanyak 35.3 juta langganan jalur lebar mudah alih berbanding 2.6 juta langganan

Rajah 3.1.2. Aktiviti Penggunaan Internet




Sumber: 2017 Internet Users Survey, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

¹ Lebih kurang 90% pengguna mengakses internet menggunakan telefon pintar (DOSM, 2017).

jalur lebar tetap. Majoriti pengguna melanggan internet bagi tujuan komunikasi, jaringan sosial, mendapatkan maklumat dan hiburan, pembelajaran, berkaitan pekerjaan, pembelian dalam talian, perkhidmatan Kerajaan dan aktiviti kewangan (SKMM, 2017).

Penemuan kajian jelas menunjukkan peningkatan penggunaan platform digital dan peranan teknologi yang meluas dalam memacu aktiviti sosial dan ekonomi. Justeru, teknologi ini telah mengubah aktiviti harian bagi tujuan jaringan sosial, perniagaan dalam talian dan carian maklumat. Perkembangan ini dijangka dapat meningkatkan sumbangan e-dagang kepada KDNK melebihi RM170 bilion pada 2020 dan seterusnya mencecah RM400 bilion menjelang 2025 (MDEC, 2017).

Rajah 3.1.3. Dimensi Transaksi Digital





Sumber: Measuring Digital Trade, OECD.

Cabaran

Perubahan teknologi yang pantas dan penggunaan yang rendah menjadi cabaran bagi Malaysia khususnya dalam aktiviti perniagaan. Kelajuan yang rendah dan harga jalur lebar yang tinggi merupakan kekangan dalam pembangunan dan penggunaan teknologi digital. Pada masa ini, Malaysia menduduki tempat kelima selepas Singapura, Viet Nam, Brunei dan Myanmar dalam kalangan negara Asia Tenggara dari segi purata kelajuan rangkaian 4G (OpenSignal, 2018). Di samping itu, indeks penggunaan digital oleh PKS adalah rendah berbanding negara lain di rantau ini (Bank Dunia, 2018).

Justeru, perkhidmatan jalur lebar perlu ditingkatkan bagi mempercepat pembangunan ekonomi digital di Malaysia. Di samping itu, terdapat keperluan terhadap rangka kerja pengawal seliaan yang komprehensif berkaitan keselamatan siber (Bank Dunia, 2018). Terdapat ruang untuk penambahbaikan terutamanya dalam membangunkan garis panduan dan amalan terbaik bagi menguruskan keselamatan serta perkhidmatan keselamatan pengkomputeran awan di Malaysia. Kerajaan juga perlu menangani isu jurang tenaga mahir yang kritikal dalam bidang seperti forensik digital, pentadbiran keselamatan dan penganalisis keselamatan. Ekosistem yang selamat dan kondusif adalah penting untuk meningkatkan kepercayaan pengguna serta pelanggan terhadap platform e-dagang dan e-pembayaran. Sehubungan ini, nilai keseluruhan perkhidmatan keselamatan siber di Malaysia yang dianggarkan mencecah USD632.6 juta menjelang 2021 (MDEC, 2018) merupakan bidang pertumbuhan baharu yang boleh diterokai.

Rajah 3.1.4. Purata Kelajuan 4G di Asia Tenggara**Rajah 3.1.5. Harga 10GigE IP Transit**

Kesimpulan

Era digital telah membawa perubahan yang besar kepada landskap sosioekonomi dan keselamatan. Kemajuan teknologi digital dijangka akan mewujudkan lebih banyak disruptif pada masa hadapan. Malaysia perlu berubah secara pantas dan menerima pakai kemajuan teknologi digital terutamanya dalam perniagaan. Terdapat beberapa cabaran utama yang menghalang ketersediaan digital dalam industri utama negara seperti kekurangan pendekatan berstruktur dan tenaga kerja digital yang berkemahiran serta persepsi industri bahawa transformasi digital terlalu pantas dan kompleks. Walaupun negara berhadapan dengan pelbagai cabaran, namun ekonomi digital menawarkan peluang yang besar dalam pelaburan, penumpuan teknologi dan megatrend. Justeru, persekitaran ini dapat dipertingkatkan dengan tindakan bersepadu melalui pelaburan dalam ekosistem yang kondusif serta modal insan dan infrastruktur fizikal.

peningkatan persaingan dalam rantau ini dan kesesakan di pintu masuk utama di Johor Bahru. Sementara itu, segmen pengangkutan air diunjur berkembang disokong oleh aktiviti berkaitan pelabuhan selari dengan prestasi perdagangan yang stabil serta penambahbaikan dan peluasan beberapa pelabuhan utama. Walau bagaimanapun, segmen ini menghadapi isu penyusunan semula gabungan syarikat perkapalan global terutamanya disebabkan persaingan kos.

Subsektor makanan & minuman dan penginapan dijangka merekodkan pertumbuhan kukuh 8.1% pada 2018 terutamanya disokong oleh aktiviti pelancongan domestik dan peningkatan pelanggan di restoran. Subsektor ini diunjur berkembang 6.9% pada 2019 sejajar dengan aktiviti promosi yang rancak sempena Melawat Malaysia 2020 dan pakej menarik ditawarkan melalui pameran pelancongan dalam talian. Sementara itu, pengoperasian beberapa pusat membeli-belah dan komponen peruncitan sokongan baharu di Lembah Klang, Pulau Pinang dan Johor dijangka akan meningkatkan lagi pertumbuhan subsektor ini.

Subsektor perkhidmatan lain diunjur berkembang 5.3% pada 2018 dan 5.1% pada 2019. Pertumbuhan ini berikutan peningkatan permintaan untuk perkhidmatan pendidikan dan penjagaan kesihatan swasta. Sementara itu, subsektor perkhidmatan kerajaan dijangka mencatat pertumbuhan 4.4% pada 2018 dan 4.2% pada 2019.


Sektor Pembuatan

Sektor pembuatan meningkat 5.1% (y-o-y) dalam tempoh separuh pertama 2018 dan dijangka berkembang 4.9% pada tahun ini terutamanya dipacu oleh industri berorientasikan eksport. Pertumbuhan ini selari dengan peningkatan Indeks Pengeluaran Pembuatan 4.9% (y-o-y) dan jualan produk pembuatan sebanyak 7.3% (y-o-y) dalam tempoh lapan bulan pertama 2018. Peningkatan berterusan dalam kitaran elektronik dan aktiviti perindustrian global yang menggalakkan dijangka menyumbang kepada permintaan kukuh terhadap eksport produk Malaysia seterusnya akan meningkatkan pertumbuhan bagi pengeluaran barangan pembuatan berorientasikan eksport. Barangan

ini termasuk produk E&E, petroleum, kimia, getah dan plastik. Sementara itu, industri berorientasikan domestik akan terus kukuh disokong oleh permintaan berterusan bagi produk berkaitan pengguna dan pembinaan.

Prestasi kukuh subsektor E&E disokong oleh permintaan yang teguh bagi litar elektronik bersepadu dan semikonduktor; peralatan telekomunikasi; dan peralatan elektronik pengguna. Pengeluaran bagi subsektor produk petroleum, kimia, getah dan plastik disokong oleh peningkatan permintaan dalam bidang penjagaan kesihatan terutamanya sarung tangan getah, peralatan perubatan plastik dan produk farmaseutikal. Peningkatan permintaan bagi pengeluaran produk kimia pula dipacu oleh industri petrokimia dan kimia oleo. Output dalam subsektor kelengkapan pengangkutan dan pembuatan lain akan disokong oleh pembuatan kenderaan bermotor, treler dan semi treler; pembuatan peralatan pengangkutan lain; serta pembaikan dan pemasangan mesin dan peralatan (M&E). Peningkatan pengeluaran ini seiring dengan pertambahan jualan kenderaan berikutan pelaksanaan GST berkadar sifar. Di samping itu, industri aeroangkasa termasuk reka bentuk dan perkilangan komponen pesawat; sistem integrasi; serta aktiviti penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih dijangka mendapat manfaat daripada peningkatan pesanan pesawat di rantau Asia Pasifik. Sementara itu, pertumbuhan dalam industri berorientasikan

Rajah 3.2. Pengeluaran Sektor Pembuatan (% perubahan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

domestik akan didorong oleh permintaan berterusan bagi produk berkaitan makanan serta pengeluaran bahan berkaitan pembinaan yang mampan berikutan pelaksanaan projek infrastruktur sedia ada dan baharu.

Pada 2019, sektor pembuatan dijangka berkembang 4.7% disokong oleh industri berorientasikan eksport berikutan perkembangan berterusan dalam subsektor E&E serta kimia dan produk kimia. Pertumbuhan output E&E akan terus meningkat didorong oleh peningkatan penggunaan alat boleh pakai dan aplikasi rumah pintar. Perkembangan ini selaras dengan

Jadual 3.3. Indeks Pengeluaran Pembuatan Januari – Ogos (2015 = 100)

	Indeks		Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2017	2018	2017	2018	2017	2018
Industri berorientasikan eksport						
Produk petroleum, kimia, getah dan plastik	106.9	111.4	3.7	4.1	29.6	29.4
Produk peralatan elektrik dan elektronik	113.0	119.6	8.1	5.8	27.7	27.9
Produk kayu, perabot, keluaran kertas dan percetakan	109.2	114.1	6.4	4.4	6.7	6.7
Produk tekstil, pakaian, kulit dan kasut	112.2	117.5	7.7	4.8	2.0	2.0
Industri berorientasikan domestik						
Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka	108.4	114.1	5.0	5.2	13.3	13.3
Makanan, minuman dan tembakau	109.4	113.9	11.5	4.1	12.6	12.5
Kelengkapan pengangkutan dan pembuatan lain	103.2	108.9	6.0	5.6	8.1	8.2
Indeks pengeluaran pembuatan	109.0	114.3	6.5	4.9	100.0	100.0

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

penumpuan ke arah teknologi digital dan inovasi reka bentuk litar elektronik bersepadu bagi mengadaptasi IR 4.0. Bagi industri kimia pula, pengeluaran petrokimia dan kimia oleo dijangka mendapat manfaat daripada lebihan pengeluaran bahan mentah bagi O&G serta minyak sawit seiring dengan permintaan kukuh dari China, Indonesia dan Thailand. Industri berorientasikan domestik akan dipacu oleh pertumbuhan subsektor makanan yang kekal teguh berikutan peningkatan permintaan isi rumah yang kukuh. Sementara itu, subsektor berkaitan pembinaan akan disokong oleh pertumbuhan aktiviti pembinaan yang berterusan.

Sektor Pertanian

Sektor pertanian berkembang sederhana 0.1% (y-o-y) dalam tempoh separuh pertama 2018 berikutan pertumbuhan subsektor kelapa sawit yang lebih rendah di samping penguncupan subsektor getah. Subsektor tersebut menyumbang 50.3% kepada sektor pertanian secara keseluruhan. Pada 2018, sektor pertanian dijangka merosot 0.2% terutamanya disebabkan oleh pengeluaran dan harga yang lebih rendah bagi CPO dan getah. Walau bagaimanapun, sektor ini diunjur kembali pulih dan mencatat pertumbuhan 3.1% pada 2019 disokong oleh peningkatan semua subsektor kecuali perhutanan dan pembalakan.

Jadual 3.4. Nilai Ditambah Sektor Pertanian 2017 – 2019

(Pada harga malar 2010)

	Bahagian	Perubahan		
	(%)	(%)		
	2018 ²	2017	2018 ²	2019 ³
Kelapa sawit	46.7	16.0	-0.1	4.1
Getah	6.0	9.3	-18.0	5.0
Ternakan	12.2	5.3	6.7	4.6
Pertanian lain ¹	19.5	2.1	4.6	4.0
Perikanan	10.4	-2.1	-0.6	0.1
Perhutanan dan pembalakan	5.2	-15.7	-7.8	-8.9
Pertanian	100.0	7.2	-0.2	3.1

¹ Termasuk padi, buah-buahan, sayur-sayuran, kelapa, tembakau, teh, bunga, lada, koko dan nanas.

² Anggaran.

³ Unjuran.

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

Pada 2018, nilai ditambah subsektor kelapa sawit dijangka merosot 0.1% disebabkan oleh pengurangan pengeluaran CPO berikutan hasil buah tandan segar (FFB) yang lebih rendah. Pengeluaran yang lebih rendah ini terutamanya disebabkan oleh musim kering yang berpanjangan di Sabah dan Sarawak. Pengurangan CPO juga sebahagiannya disebabkan oleh kesan asas yang tinggi berikutan pasca pemulihan fenomena El Niño pada 2017. Selain itu, prestasi subsektor ini dijangka terjejas disebabkan oleh permintaan yang lebih rendah dari China berikutan penggantian kepada minyak sayuran lain. Eksport ke India juga diunjur lebih rendah disebabkan kenaikan tarif import ke atas CPO dan minyak sawit ditapis. Sementara itu, kadar perahan minyak (OER) dijangka meningkat terutamanya disokong oleh FFB diproses yang lebih berkualiti di beberapa negeri pengeluar utama CPO. Stok akhir minyak sawit dijangka mencatat 2.9 juta tan pada 2018 berbanding 2.7 juta tan tahun lalu berikutan aktiviti eksport yang lebih perlahan. Pada 2018, harga CPO dijangka berada pada purata RM2,300 setan berikutan harga minyak kacang soya yang lebih rendah di pasaran global.

Pada 2019, subsektor ini diunjur kembali pulih 4.1% dengan peningkatan pengeluaran minyak sawit berikutan harga yang lebih baik RM2,400 setan serta penambahan kawasan matang

Jadual 3.5. Kelapa Sawit: Kawasan, Hasil dan Pengeluaran 2017 – 2019

				Perubahan (%)		
	2017	2018 ²	2019 ³	2017	2018 ²	2019 ³
Keluasan tanaman ('000 hektar)	5,811	6,000	6,159	1.3	3.3	2.6
Kawasan matang ('000 hektar)	5,111	5,250	5,450	2.2	2.7	3.8
Pengeluaran Minyak sawit mentah ('000 tan)	19,919	19,800	20,500	15.0	-0.6	3.5
Hasil ¹ (tan/hektar)	17.9	17.0	17.5	12.4	-5.0	2.9

¹ Hasil buah tandan segar.

² Anggaran.

³ Unjuran.

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran.

Sumber: Lembaga Minyak Sawit dan Kementerian Kewangan Malaysia.

yang dijangka mencapai 5.5 juta hektar. Stok akhir minyak sawit dijangka menyusut kepada 2.2 juta tan berikutan peningkatan eksport kepada rakan dagang utama. Hasil FFB sehektar dianggar meningkat sementara OER dijangka kekal stabil hasil penambahbaikan prosedur pengelasan tanaman. Usaha untuk menambah baik aktiviti penuaian dan pengangkutan FFB dengan pelaksanaan berterusan Skim Insentif Jentera Perladangan Sawit (OPIMIS) dapat meningkatkan pengeluaran minyak sawit dan mengurangkan kebergantungan terhadap tenaga buruh asing. Tambahan pula, usaha menggantikan pokok yang kurang hasil dan pokok lama dengan benih baharu dan berhasil tinggi dijangka meningkatkan OER dan hasil FFB sehektar menjelang 2020 bagi memenuhi permintaan daripada aktiviti hiliran domestik. Selain itu, pertumbuhan subsektor kelapa sawit dijangka terus kukuh selaras dengan peluasan pasaran terutamanya di rantau ASEAN, sebahagian benua Afrika serta Eropah Tengah dan Timur.

Subsektor getah dijangka merosot 18% pada 2018 berikutan keadaan cuaca yang tidak menentu serta harga yang lebih rendah menjadi punca aktiviti penorehan tidak menggalakkan.

Jadual 3.6. Getah: Kawasan, Hasil dan Pengeluaran 2017 – 2019

				Perubahan (%)		
	2017	2018 ¹	2019 ²	2017	2018 ¹	2019 ²
Jumlah kawasan ('000 hektar)	1,082	1,083	1,085	0.4	0.1	0.2
Kebun kecil	1,007	1,009	1,012	0.6	0.3	0.3
Estet	75	74	73	-2.2	-1.3	-1.3
Hasil (kg sehektar)						
Kebun kecil	1,440	1,420	1,450	4.3	-1.4	2.1
Estet	1,560	1,560	1,580	0.6	0.0	1.3
Jumlah pengeluaran ('000 tan)	740	600	650	9.8	-18.9	8.3
Kebun kecil	691	550	595	11.3	-20.4	8.2
Estet	49	50	55	-7.5	2.0	10.0
% daripada pengeluaran dunia	5.5	4.3	4.5			

¹ Anggaran.

² Unjuran.

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran.

Sumber: Lembaga Getah Malaysia.

¹ Merangkumi Indonesia, Malaysia dan Thailand.

Harga Standard Malaysia Rubber 20 (SMR20) dianggar berada pada paras rendah sekitar RM5.50 setiap kilogram (kg). Harga yang rendah ini disebabkan oleh permintaan global yang lemah di samping pengeluaran yang lebih tinggi berikutan pertambahan lebih daripada 1.2 juta hektar kawasan tanaman baharu antara 2010 dan 2012. Pertambahan kawasan tanaman baharu ini berikutan harga getah yang lebih tinggi dalam tempoh tersebut. Jumlah pengeluaran getah dijangka merosot berikutan pekebun kecil beralih kepada aktiviti lain yang menguntungkan. Di samping itu, peningkatan kos pengeluaran di estet disebabkan oleh kenaikan kos pentadbiran, penyelenggaraan, pemulihan dan penanaman dijangka akan mengurangkan pengeluaran. Purata hasil tahunan sehektar bagi pekebun kecil dijangka berkurang kepada 1,420 kg manakala bagi pemilik estet dijangka kekal 1,560 kg disebabkan oleh faktor harga.

Pada 2019, nilai ditambah subsektor getah dijangka melonjak 5% berikutan peningkatan kawasan matang terutamanya di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Pekebun kecil menyumbang sekitar 90% daripada jumlah keseluruhan kawasan tanaman getah. Kawasan perladangan getah dijangka meningkat kepada 1,085 hektar berikutan pertambahan kawasan matang. Sejumlah 6,000 hektar kawasan tanaman baharu telah disasarkan setahun di Sabah dan Sarawak manakala tambahan 40,000 hektar disasarkan untuk penanaman semula di seluruh negara bagi memenuhi permintaan masa hadapan. Harga SMR20 diunjur kekal pada RM5.50 setiap kg berikutan jangkaan lebih bekalan global sebanyak 0.4 juta tan dan permintaan yang lebih rendah daripada sektor automotif terutamanya dari China. Walau bagaimanapun, Insentif Pengeluaran Getah yang disediakan oleh Kerajaan dijangka meningkatkan kegiatan penorehan oleh pekebun kecil meskipun harga berada pada paras yang rendah.

Kerajaan akan terus bekerjasama dengan negara lain di bawah rangka kerja Majlis Getah Tiga Pihak Antarabangsa¹ melalui mekanisme Skim Pengurusan Bekalan (SMS), Skim Jumlah Eksport yang Dipersetujui (AETS) dan Skim Promosi Permintaan (DPS) untuk menstabilkan harga getah serta memastikan pekebun kecil mendapat harga yang lebih berpatutan. Mekanisme SMS merupakan langkah jangka panjang

bagi memastikan negara anggota mematuhi sasaran kawasan tanaman yang ditetapkan dalam tempoh 2015 hingga 2020. Sementara itu, AETS merupakan langkah jangka pendek bertujuan menyekat eksport melalui kuota bagi menangani ketidakseimbangan penawaran dan permintaan. Mekanisme DPS pula bertujuan untuk meningkatkan penggunaan domestik bagi getah asli melalui pembangunan dan pengkomersialan produk baharu.

Pengeluaran komoditi makanan dijangka menyokong sektor pertanian dengan menyumbang sekitar 42% pada 2018 dan 2019 berikutan permintaan yang lebih tinggi hasil daripada peningkatan pendapatan isi rumah. Subsektor ternakan dijangka meningkat 6.7% pada 2018 dan 4.6% pada 2019 disokong oleh pengeluaran yang lebih tinggi bagi segmen ayam-itik dan telur. Di samping itu, usaha yang berterusan untuk mencapai tahap sara diri dan permintaan berterusan daripada isi rumah akan memberi manfaat kepada subsektor ini. Subsektor pertanian lain pula diunjur meningkat 4.6% dan 4% dalam tempoh yang sama disokong oleh pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan yang lebih tinggi. Petani juga dijangka meneruskan Amalan Pertanian Baik melalui penggunaan input pertanian bagi meningkatkan produktiviti berikutan permintaan kukuh dan harga yang menggalakkan. Sementara itu, subsektor perikanan dijangka merosot 0.6% pada 2018 dan meningkat secara marginal 0.1% pada 2019. Pengeluaran akuakultur dijangka menyokong subsektor ini melalui pelaksanaan pelbagai program seperti zon bersepadu akuakultur dan penternakan ikan sangkar. Walau bagaimanapun, pendaratan ikan laut dianggap berkurang terutamanya dipengaruhi oleh musim tengkujuh dalam tempoh yang sama.

Sektor Perlombongan

Sektor perlombongan merosot 1% (y-o-y) dalam tempoh separuh pertama 2018 disebabkan oleh pengeluaran LNG yang lebih rendah berpunca daripada gangguan pengeluaran bekalan yang tidak dijangka. Bagi 2018, sektor ini diunjur menguncup 0.6% berikutan pengeluaran gas asli yang lebih rendah akibat gangguan bekalan di medan Keabangan dan Kinabalu di Sabah. Walau bagaimanapun, subsektor minyak mentah dan kondensat diunjur berkembang selaras dengan permintaan global yang stabil. Walaupun sekatan


AS telah mengurangkan eksport Iran, namun pemulihan pengeluaran di Libya dan jangkaan peningkatan output dari Arab Saudi akan menstabilkan harga minyak mentah pada 2018.

Nilai ditambah sektor perlombongan dijangka kembali pulih 0.7% pada 2019 didorong oleh pemulihan output gas asli berikutan pengoperasian semula medan gas di Keabangan dan Kinabalu serta jangkaan pengeluaran baharu medan Bakong dan Larak dalam tempoh separuh kedua 2019. Tambahan pula, permintaan yang lebih kukuh daripada industri petrokimia domestik dan jaminan kontrak baharu termasuk dari Jepun untuk penjanaan elektrik dijangka dapat menyokong pertumbuhan sektor ini. Di samping itu, penyelesaian operasi yang inovatif dan fleksibel seperti perkhidmatan pecah pukat LNG melalui pemindahan kapal ke kapal oleh PETRONAS telah meningkatkan permintaan dari rantau Asia. Sementara itu, subsektor minyak mentah dan kondensat dijangka merosot berikutan kekangan pengeluaran di medan Sabah Gumusut Kakap dan Malikai.


Sektor Pembinaan

Nilai ditambah sektor pembinaan berkembang 4.8% (y-o-y) dalam tempoh separuh pertama 2018 disokong oleh subsektor kejuruteraan awam. Pada 2018, sektor ini dijangka berkembang meskipun pada kadar yang sederhana iaitu 4.5% berikutan beberapa projek mega yang hampir siap serta unit tidak terjual terutamanya dalam subsektor bukan kediaman. Momentum pertumbuhan sektor ini dijangka meningkat sedikit pada 2019 dan berkembang 4.7% berikutan peningkatan dalam penawaran baharu dirancang bagi segmen rumah mampu milik dan industri. Walau bagaimanapun, semakin semula beberapa projek infrastruktur serta aktiviti pembinaan yang perlahan dalam subsektor bukan kediaman dijangka memberi tekanan terhadap prestasi sektor pembinaan.

Subsektor kejuruteraan awam dijangka kekal sebagai pemacu sektor pembinaan pada 2018 dan 2019 terutamanya disokong oleh projek yang sedang dilaksanakan. Antara projek infrastruktur termasuk Lebuhraya Pan Borneo di Sabah dan Sarawak; Central Spine Road di Pantai Timur serta Transit Aliran Massa (MRT) Laluan Sungai Buloh – Serdang – Putrajaya (SSP); dan Transit Aliran Ringan Laluan 3 (LRT3) di Lembah Klang.

Rajah 3.3. Penunjuk Penawaran Harta Tanah Kediaman

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara.


Rajah 3.4. Indeks Harga Rumah Malaysia (% perubahan)

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara.

Sementara itu, dalam segmen petrokimia dan loji jana kuasa, projek yang sedang dalam pelaksanaan ialah Terminal 2 Petroleum Laut Dalam di Kompleks Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID) di Pengerang, Johor; Floating LNG 2 di Sabah; dan Platform Pusat Pemprosesan di Bokor, Sarawak. Di samping itu, projek pembangunan bercampur seperti Tun Razak Exchange dan Pusat Bandar Bukit Bintang di Kuala Lumpur dijangka turut menyokong pertumbuhan subsektor ini.

Subsektor kediaman dijangka berkembang pada kadar yang lebih perlahan berikutan ketidaksepadanan antara penawaran dan permintaan. Bagi tujuan ini, Kerajaan telah menangguhkan pembangunan harta tanah kediaman, pangsapuri khidmat dan kondominium mewah berharga lebih RM1 juta di kawasan utama yang berkuat kuasa pada November 2017. Di samping itu, pemaju memberi tumpuan kepada penjualan projek perumahan sedia ada untuk menangani isu harta tanah kediaman tidak terjual. Sementara itu, Kerajaan akan terus menyediakan perumahan mampu milik untuk golongan berpendapatan rendah dan sederhana melalui pelbagai program.

Subsektor bukan kediaman dijangka merosot berikutan lebihan penawaran dan unit tidak terjual bagi kedai mewah dan kompleks membeli-belah serta trend penurunan dalam penawaran bangunan komersial akan datang. Walau bagaimanapun, permintaan untuk bangunan komersial di kawasan utama dijangka kekal stabil disokong oleh projek pembangunan kediaman pinggir bandar di Lembah Klang terutamanya di kawasan berdekatan laluan MRT dan LRT serta di bandar utama seperti Johor Bahru, Melaka dan Pulau Pinang.

Rajah 3.5. Penunjuk Penawaran Harta Tanah Bukan Kediaman

Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara.

Permintaan Domestik

Pertumbuhan permintaan domestik dijangka kekal berdaya tahan iaitu 5% pada 2018 dan 4.8% pada 2019. Perkembangan ini dipacu oleh perbelanjaan sektor swasta yang mampan iaitu 6.5% pada 2018 dan 6.4% pada 2019 yang merangkumi sekitar 72% daripada KDNK. Sementara itu, perbelanjaan sektor awam dijangka menyusut 0.9% pada 2019 setelah mencatat pertumbuhan secara marginal 0.1% pada 2018 terutamanya disebabkan oleh pelaburan syarikat awam yang lebih rendah.

Pada 2018, penggunaan swasta akan kekal sebagai peneraju utama pertumbuhan dan dijangka berkembang 7.2%. Pertumbuhan penggunaan swasta akan disokong oleh pasaran buruh yang stabil, inflasi yang sederhana dan persekitaran pembiayaan yang kondusif. Faktor lain seperti GST berkadar sifar; subsidi harga minyak di pam; pilihan raya umum; musim Piala Dunia FIFA; dan penamatan kutipan tol di dua lebuh raya turut menggalakkan lagi perbelanjaan isi rumah. Pada 2019, penggunaan swasta diunjur berkembang 6.8% hasil daripada pendapatan isi rumah yang lebih tinggi berikutan

prospek pekerjaan yang lebih baik; peningkatan kadar gaji minimum; harga komoditi yang stabil; dan persekitaran pembiayaan yang akomodatif. Selain itu, acara utama seperti Pameran Aeroangkasa dan Maritim Antarabangsa Langkawi 2019 (LIMA'19) serta aktiviti promosi sempena Melawat Malaysia 2020 dijangka meningkatkan lagi perbelanjaan pengguna.

Pelaburan swasta dijangka berkembang 4.5% pada 2018 merangkumi 17.3% daripada KDNK dengan perbelanjaan modal bertumpu kepada sektor perkhidmatan dan pembuatan. Sebahagian besar pelaburan sektor perkhidmatan disalurkan dalam aktiviti berkaitan pengguna dan pelancongan seperti subsektor perdagangan borong dan runcit; serta makanan & minuman dan penginapan. Pelaburan juga disalurkan dalam subsektor informasi dan komunikasi sejajar dengan perkembangan aktiviti e-dagang. Permintaan global yang tinggi untuk produk E&E dan kimia dijangka meningkatkan perbelanjaan pelaburan dalam sektor pembuatan. Pelaburan swasta yang dijangka terus berkembang pada separuh kedua tahun ini ditunjukkan oleh kaji selidik prestasi perniagaan yang meningkat kukuh 11.6% (DOSM, 2018).

Pada 2019, pelaburan swasta dijangka mencatat pertumbuhan lebih tinggi 5% disumbangkan oleh perbelanjaan modal dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan yang berintensifkan teknologi. Seiring dengan peralihan Malaysia kepada teknologi digital dan IR 4.0, pelaburan akan bertumpu dalam industri pemangkin. Industri tersebut termasuk *Internet of Things (IoT)*, perisian, elektronik yang canggih, jentera pintar, automasi dan robotik, kenderaan automasi berpandu, aeroangkasa dan peranti perubatan.

Penggunaan awam dijangka berkembang secara marginal 1% pada 2018. Keadaan ini selaras dengan usaha berterusan Kerajaan untuk merasionalisasi dan mengoptimumkan perbelanjaan tanpa menjejaskan kualiti penyampaian perkhidmatan awam. Selain itu, Kerajaan terus meningkatkan nilai faedah terbaik bagi perolehan barangan dan perkhidmatan yang mencerminkan perbelanjaan berhemat. Pada 2019, penggunaan awam dijangka berkembang 1.8% berikutan peningkatan perbelanjaan emolumen serta perkhidmatan dan bekalan.

Jadual 3.7. KDNK mengikut Permintaan Agregat 2017 – 2019

(Pada harga malar 2010)

	Bahagian (%)	Perubahan (%)		
	2018 ²	2017	2018 ²	2019 ³
Permintaan domestik	92.4	6.5	5.0	4.8
Perbelanjaan swasta	72.3	7.5	6.5	6.4
Penggunaan	55.0	7.0	7.2	6.8
Pelaburan	17.3	9.3	4.5	5.0
Perbelanjaan awam	20.1	3.3	0.1	-0.9
Penggunaan	12.5	5.4	1.0	1.8
Pelaburan	7.5	0.1	-1.5	-5.4
Sektor luar ¹	8.0	-1.9	7.7	0.7
Eksport	70.9	9.4	2.0	1.6
Import	63.0	10.9	1.4	1.8
KDNK	100.0	5.9	4.8	4.9

¹ Barangan dan perkhidmatan bukan faktor.

² Anggaran.

³ Unjuran.

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran dan tidak termasuk komponen perubahan dalam stok.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

Pelaburan awam dijangka menyusut 1.5% pada 2018 dan 5.4% pada 2019 terutamanya disebabkan oleh perbelanjaan modal syarikat awam yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, pembentukan modal Kerajaan Persekutuan yang mampan dijangka terus menyokong pertumbuhan pelaburan awam secara keseluruhan. Walaupun terdapat pengurangan perbelanjaan modal syarikat awam, namun beberapa projek dijangka diteruskan dalam industri O&G. Projek ini termasuk RAPID, Floating LNG 2, Loji Penjanaan Bersama Pengerang, Diesel EURO-5, Integrated Bokor & Betty dan North Malay Basin Full Field Development. Di samping itu, perbelanjaan modal dalam segmen utiliti dan pengangkutan dijangka terus meningkatkan kapasiti dan menaik taraf perkhidmatan. Projek yang dilaksanakan termasuk Lebuhraya Pan Borneo; MRT Laluan SSP dan Landasan Berkembar Elektrik Gemas – Johor Bahru; kabel elektrik dasar laut Langkawi; Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi Fasa 2 dan Jalur Lebar Pinggir Bandar; serta loji janakuasa arang batu Jimah dan gabungan kitaran turbin gas Pasir Gudang. Sementara itu, perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan diperuntukkan terutamanya untuk menaik taraf dan menambah baik pengangkutan, infrastruktur dan kemudahan awam serta meningkatkan lagi kualiti pendidikan dan latihan.

Sejajar dengan pertumbuhan ekonomi yang kukuh, PNK pada harga semasa dijangka meningkat 5.6% pada 2018 kepada RM1.4 trilion. Sementara itu, tabungan negara kasar (TNK) dijangka meningkat secara marginal 0.4% kepada RM387.8 bilion dengan sektor swasta merangkumi 82% daripada keseluruhan tabungan. Jurang tabungan pelaburan dijangka mencatat lebih antara 2.5% dan 3% daripada PNK berikutan paras TNK yang terus melebihi jumlah pelaburan. Lebih ini membolehkan Malaysia terus membiayai pertumbuhan terutamanya daripada sumber domestik.

Momentum pertumbuhan PNK dijangka berterusan pada 2019 dengan peningkatan 7.1% kepada RM1.5 trilion. Pada masa sama, TNK dijangka berkembang 3.4% dengan sektor swasta merangkumi 86.9% daripada jumlah tabungan.

Jadual 3.8. Jurang Tabungan Pelaburan 2017 – 2019
(Pada harga semasa)

	RM juta		
	2017	2018 ²	2019 ³
Sektor awam			
Tabungan	97,387	69,617	52,428
Pembentukan modal kasar ¹	107,395	106,696	101,941
Lebih/Defisit	-10,008	-37,079	-49,513
Sektor swasta			
Tabungan	288,790	318,142	348,346
Pembentukan modal kasar ¹	238,507	242,472	264,837
Lebih/Defisit	50,283	75,671	83,508
Keseluruhan			
Tabungan negara kasar	386,177	387,759	400,774
% daripada PNK	29.3	27.9	26.9
Pembentukan modal kasar ¹	345,902	349,168	366,778
% daripada PNK	26.3	25.1	24.6
Lebih/Defisit	40,275	38,591	33,995
% daripada PNK	3.1	2.5 – 3.0	2.0 – 3.0

¹ Termasuk perubahan dalam stok.


² Anggaran.

³ Unjuran.

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

Rajah 3.6. Tabungan Negara Kasar dan Jurang Tabungan Pelaburan



¹ Anggaran.

² Unjuran.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

Jumlah pelaburan dijangka meningkat 5% kepada RM366.8 bilion seterusnya menyumbang kepada lebih tabungan pelaburan lebih rendah antara 2% dan 3% daripada PNK.

Sektor Luar Negeri

Eksport

Eksport kasar dijangka berkembang 4.4% pada 2018 diterajui oleh permintaan berterusan bagi barangan pembuatan. Eksport barangan pembuatan yang merangkumi sekitar 84% daripada jumlah eksport dianggar meningkat 6.6% terutamanya didorong oleh pertumbuhan berterusan dalam kitaran elektronik dan aktiviti perindustrian global yang menggalakkan. Hasil eksport produk E&E dijangka meningkat 7.3% sejajar dengan jualan semikonduktor dunia yang dianggar berkembang 15.7% pada 2018. Pertumbuhan ini disokong oleh prestasi yang menggalakkan bagi semikonduktor, peralatan memproses data automatik dan perkakasan mesin elektronik. Permintaan produk E&E daripada rakan dagangan utama dijangka kekal menggalakkan. Sementara itu, eksport produk bukan E&E dijangka meningkat 6.1% pada 2018. Pertumbuhan ini dipacu terutamanya oleh kimia dan produk kimia; barangan perkilangan logam; produk petroleum; serta barangan optik dan saintifik.

Pendapatan eksport barangan pertanian dianggar merosot 11.2% pada 2018 disebabkan oleh penurunan terimaan hasil minyak sawit dan getah asli. Hasil eksport minyak sawit dijangka mengalami kemerosotan yang ketara 13.1% berikutan harga eksport yang lebih rendah.

Di samping itu, penghantaran getah asli dijangka berkurang 18.4% terutamanya disebabkan oleh harga dan permintaan yang lebih rendah. Eksport barangan perlombongan diunjur berkembang 1.4% terutamanya didorong oleh permintaan stabil bagi petroleum mentah walaupun hasil LNG mengalami penurunan. Penghantaran petroleum mentah dijangka meningkat 23.4% disumbangkan oleh harga dan kuantiti eksport yang lebih tinggi. Sementara itu, hasil eksport LNG dijangka merosot 9.8% disebabkan oleh penurunan volum eksport.

Pada 2019, eksport kasar dianggar meningkat 3.9% disokong oleh permintaan berterusan untuk barangan pembuatan serta pemulihan dalam eksport komoditi. Eksport barangan pembuatan dijangka meningkat 4% berikutan permintaan yang lebih tinggi khususnya bagi produk E&E; kimia dan produk kimia; produk petroleum; barangan perkilangan logam; jentera, kelengkapan dan peralatan; serta barangan optik dan saintifik. Subsektor E&E diunjur berkembang 4.4% disumbangkan oleh penggunaan meluas semikonduktor dalam industri automotif dan peralatan elektronik pengguna seperti peranti terhubung dan perkakasan pintar.

Sementara itu, eksport bukan E&E dijangka meningkat 3.7% sejajar dengan aktiviti pembuatan yang menggalakkan di rantau ini. Permintaan dijangka kekal stabil bagi bahan kimia organik dan plastik dalam

**Jadual 3.9. Perdagangan Luar Negeri
2017 – 2019**

	RM juta			Perubahan (%)		
	2017	2018 ¹	2019 ²	2017	2018 ¹	2019 ²
Jumlah perdagangan	1,771,349	1,846,338	1,919,631	19.2	4.2	4.0
Eksport kasar	934,927	976,453	1,014,506	18.8	4.4	3.9
antara:						
Pembuatan	765,858	816,510	849,142	18.6	6.6	4.0
Pertanian	78,072	69,328	73,044	10.9	-11.2	5.4
Perlombongan	81,836	82,999	86,233	25.8	1.4	3.9
Import kasar	836,422	869,885	905,125	19.7	4.0	4.1
antara:						
Barangan modal	115,567	117,435	120,834	15.3	1.6	2.9
Barangan pengantara	478,932	456,690	476,096	20.0	-4.6	4.2
Barangan penggunaan	71,036	72,635	74,854	6.1	2.3	3.1
Imbangan dagangan	98,505	106,568	109,381	11.8	8.2	2.6

¹ Anggaran.

² Unjuran.

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran.
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

Jadual 3.10. Eksport Kasar
Januari – Ogos

	RM juta		Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2017	2018	2017	2018	2017	2018
Pembuatan	499,813	544,207	21.0	8.9	81.6	83.7
Pertanian	52,142	44,920	18.6	-13.9	8.5	6.9
Perlombongan	54,046	55,867	34.9	3.4	8.8	8.6
Lain-lain ¹	6,234	5,567	81.2	-10.7	1.0	0.9
Eksport kasar	612,235	650,562	22.3	6.3	100.0	100.0

¹ Termasuk sisa dan bahan buangan emas; pakaian terpakai; dan urus niaga khas tidak disenarai.

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia.

bentuk utama serta jentera dan kelengkapan. Bagi produk petroleum, harga minyak yang stabil dijangka menyokong eksport petroleum bertapis manakala permintaan positif bagi logam perindustrian terus mendorong eksport aluminium, tembaga dan nikel. Di samping itu, peningkatan permintaan terhadap produk berteknologi tinggi menggalakkan lagi pertumbuhan eksport bagi barangan optik dan saintifik terutamanya peralatan pengukuran, kawalan dan perubatan.

Eksport pertanian dijangka kembali pulih 5.4% disokong oleh peningkatan harga dan permintaan yang lebih tinggi untuk CPO dan getah asli. Peningkatan penghantaran CPO dan getah asli kepada rakan dagangan utama dijangka menggalakkan lagi pertumbuhan sektor ini. Sementara itu, jangkaan peningkatan pengeluaran LNG melalui loji sedia ada dan baharu serta harga yang stabil akan menggalakkan pertumbuhan eksport perlombongan yang dianggar 3.9% pada 2019.


Jadual 3.11. Eksport Barangan Pembuatan
Januari – Ogos

	RM juta		Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2017	2018	2017	2018	2017	2018
E&E	220,615	245,576	21.4	11.3	44.1	45.1
Bukan E&E	279,198	298,631	20.6	7.0	55.9	54.9
Produk petroleum	48,196	49,459	43.0	2.6	9.6	9.1
Kimia dan produk kimia	30,974	36,769	15.1	18.7	6.2	6.8
Jentera, kelengkapan dan peralatan	27,444	27,533	6.6	0.3	5.5	5.1
Barangan perkilangan logam	24,198	30,335	8.3	25.4	4.8	5.6
Barangan optik dan saintifik	20,923	23,366	12.3	11.7	4.2	4.3
Produk getah	17,671	17,409	35.6	-1.5	3.5	3.2
Barangan makanan diproses	13,129	12,516	9.0	-4.7	2.6	2.3
Produk kayu	10,854	10,377	6.8	-4.4	2.2	1.9
Tekstil, pakaian dan kasut	10,371	9,912	12.3	-4.4	2.1	1.8
Barangan perkilangan plastik	9,644	9,527	13.1	-1.2	1.9	1.8
Kelengkapan pengangkutan	10,235	12,240	18.4	19.6	2.0	2.2
Produk besi dan keluli	8,285	9,802	102.1	18.3	1.7	1.8
Barang kemas	4,518	4,141	-4.1	-8.3	0.9	0.8
Produk galian bukan logam	3,800	4,696	2.1	23.6	0.8	0.9
Minuman dan tembakau	2,826	2,156	-6.6	-23.7	0.6	0.4
Produk kertas dan palpa	3,115	3,153	13.6	1.2	0.6	0.6
Produk perkilangan berasaskan minyak sawit	15,607	15,254	26.1	-2.3	3.1	2.8
Produk pembuatan lain	17,406	19,986	46.7	14.8	3.5	3.7
Jumlah	499,813	544,207	21.0	8.9	100.0	100.0

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia.

**Rajah 3.7. Haluan Perdagangan Luar Negeri
Januari – Ogos 2018**
(% bahagian)



¹ Tidak termasuk Singapura.

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Perbadanan Perdagangan Luar Malaysia.

Import

Import kasar dijangka berkembang sederhana 4% pada 2018 disebabkan penurunan import barangan pengantara sebanyak 4.6%. Sementara itu, import barangan modal dijangka berkembang 1.6% disokong oleh penerimaan barangan bersaiz

besar dan bernilai tinggi seperti pesawat dan kapal. Import barangan penggunaan dijangka berkembang 2.3% disokong oleh peningkatan permintaan berikutan keadaan pasaran buruh yang stabil. Di samping itu, pelaksanaan GST berkadar sifar dan musim perayaan turut menyokong pertumbuhan import.

**Jadual 3.12. Import Barangan mengikut Penggunaan Akhir
Januari – Ogos**

	RM juta		Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2017	2018	2017	2018	2017	2018
Barangan modal	73,699	75,410	13.5	2.3	13.4	13.0
Barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	67,086	62,809	16.3	-6.4	12.2	10.8
Kelengkapan pengangkutan (perusahaan)	6,613	12,602	-9.0	90.6	1.2	2.2
Barangan pengantara	321,808	305,478	25.5	-5.1	58.6	52.7
Makanan dan minuman, utama dan diproses, khusus untuk industri	13,766	11,761	19.4	-14.6	2.5	2.0
Bahan api dan pelincir, utama, diproses dan lain-lain	32,364	36,698	76.2	13.4	5.9	6.3
Bekalan perindustrian, utama, diproses dan t.d.t.l. ¹	131,697	140,549	19.4	6.7	24.0	24.2
Alat ganti dan aksesori barangan modal dan kelengkapan pengangkutan	143,982	116,471	23.9	-19.1	26.2	20.1
Barangan penggunaan	46,586	48,020	6.7	3.1	8.5	8.3
Makanan dan minuman, utama dan diproses, khusus untuk isi rumah	18,910	19,079	8.3	0.9	3.4	3.3
Alat kelengkapan pengangkutan (bukan perusahaan)	670	522	10.2	-22.2	0.1	0.1
Barangan pengguna lain	27,006	28,419	5.5	5.2	4.9	4.9
Barangan tahan lama	5,931	6,659	7.6	12.3	1.1	1.1
Barangan separa tahan lama	9,863	10,147	3.5	2.9	1.8	1.7
Barangan tidak tahan lama	11,212	11,614	6.2	3.6	2.0	2.0
Lain-lain	16,797	18,933	31.0	12.7	3.1	3.3
Eksport semula	90,362	132,270	28.4	46.4	16.5	22.8
Jumlah	549,253	580,111	22.5	5.6	100.0	100.0

¹ Tidak disenarai di tempat lain.

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pada 2019, import dijangka berkembang 4.1% disokong oleh import barangan pengantara yang berterusan dan aktiviti eksport semula yang stabil. Import barangan pengantara dijangka kembali pulih 4.2% dan akan terus menyokong aktiviti pembuatan. Import bagi tujuan eksport semula dijangka terus berkembang kukuh dipacu oleh penempatan semula hab pengedaran MNC ke Malaysia. Kebanyakan MNC ini terlibat dalam industri semikonduktor dan peralatan automotif serta hab *e-fulfilment* di DFTZ. Import barangan modal diunjur berkembang 2.9% selaras dengan peningkatan aktiviti pelaburan swasta. Import bagi barangan penggunaan dijangka terus berkembang 3.1% selaras dengan sentimen pengguna yang optimis berikutan prospek pekerjaan dan gaji yang lebih baik.

Imbangan Pembayaran

Lebihan akaun semasa pada 2018 dianggar antara 2.5% dan 3% daripada PNK terutamanya berikutan lebihan akaun barangan yang lebih tinggi walaupun akaun perkhidmatan dan pendapatan mencatat defisit. Lebihan akaun barangan dijangka meningkat kepada RM128.7 bilion disokong oleh eksport barangan pembuatan yang menggalakkan. Akaun perkhidmatan pula dianggar mencatat defisit lebih tinggi sebanyak RM30 bilion berikutan terimaan

perjalanan yang lebih rendah serta pembayaran bersih yang besar bagi fret dan perkhidmatan lain.

Terimaan perjalanan dijangka merosot 5.3% kepada RM74.6 bilion terutamanya disebabkan oleh persaingan yang sengit dari negara serantau. Aliran keluar akaun perjalanan dijangka meningkat kepada RM46.5 bilion terutamanya didorong oleh residen yang berkunjung ke luar negeri atas urusan perniagaan, percutian, pendidikan, rawatan perubatan dan keagamaan. Oleh itu, lebihan akaun perjalanan dianggar lebih rendah sebanyak RM28.1 bilion.

Akaun pengangkutan dijangka kekal mencatat defisit sebanyak RM30 bilion berikutan kebergantungan berterusan terhadap perkhidmatan fret asing. Bayaran kasar untuk perkhidmatan pengangkutan diunjur meningkat 2.3% kepada RM50 bilion disebabkan kos bahan api dan fret yang lebih tinggi. Terimaan kasar dijangka kekal stabil RM20 bilion disokong oleh hasil berterusan yang diperoleh daripada tambang penumpang serta caj di lapangan terbang dan pelabuhan. Antara caj yang dikenakan termasuk pendaratan dan parkir kapal terbang, dok kapal, pengendalian kargo serta kerja penyelenggaraan dan pembaikan yang disediakan oleh syarikat tempatan.

Jadual 3.13. Akaun Semasa Imbangan Pembayaran 2017 – 2019
(RM juta)

	2017			2018 ¹			2019 ²		
	Terimaan	Bayaran	Bersih	Terimaan	Bayaran	Bersih	Terimaan	Bayaran	Bersih
Imbangan barangan dan perkhidmatan	966,174	872,223	93,951	998,101	899,461	98,640	1,028,202	933,098	95,104
Barangan	807,012	690,246	116,766	841,966	713,306	128,660	868,924	740,759	128,166
Perkhidmatan	159,162	181,977	-22,815	156,135	186,155	-30,021	159,277	192,339	-33,062
Pengangkutan	19,336	48,896	-29,561	20,017	50,018	-30,001	20,696	51,592	-30,896
Perjalanan	78,797	45,915	32,882	74,601	46,539	28,062	76,189	47,972	28,218
Perkhidmatan lain	61,029	87,166	-26,137	61,517	89,598	-28,082	62,392	92,775	-30,383
Pendapatan primer	53,455	89,809	-36,354	54,193	95,078	-40,885	56,609	97,754	-41,144
Pampasan pekerja	7,077	11,850	-4,773	7,323	13,744	-6,421	7,913	14,482	-6,569
Pendapatan pelaburan	46,378	77,959	-31,581	46,870	81,334	-34,465	48,696	83,272	-34,575
Pendapatan sekunder	16,696	34,018	-17,322	16,502	35,665	-19,163	17,145	37,110	-19,965
Imbangan akaun semasa	1,036,325	996,050	40,275	1,068,796	1,030,205	38,591	1,101,956	1,067,962	33,995
% daripada PNK			3.1			2.5 – 3.0			2.0 – 3.0

¹ Anggaran.

² Unjuran.

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

Aliran keluar bersih dalam akaun perkhidmatan lain dianggar lebih tinggi sebanyak RM28.1 bilion. Aliran keluar terutamanya disebabkan oleh peningkatan bayaran kasar bagi import untuk perkhidmatan profesional, pembinaan, ICT serta kewangan dan insurans. Bayaran lain termasuk caj untuk kegunaan hak harta intelek terutamanya semasa Sukan Olimpik Musim Sejuk, Piala Dunia FIFA dan Sukan Asia pada 2018.

Defisit dalam akaun pendapatan primer dijangka meningkat kepada RM40.9 bilion berikutan penghantaran balik keuntungan dan dividen yang lebih tinggi oleh pelabur asing di Malaysia. Pendapatan pelaburan terakru pelabur asing dijangka meningkat 4.3% kepada RM81.3 bilion. Kebanyakan pelaburan disalurkan dalam sektor pembuatan dan perlombongan serta subsektor kewangan dan insurans; dan perdagangan borong dan runcit. Sementara itu, penghantaran balik pendapatan pelaburan terakru syarikat Malaysia di luar negeri khususnya dalam sektor perlombongan dan perkhidmatan dijangka mencatat RM46.9 bilion.

Aliran keluar bersih dalam akaun pendapatan sekunder dijangka mencatat jumlah yang lebih besar iaitu RM19.2 bilion disebabkan kiriman wang yang lebih tinggi oleh pekerja asing ke Bangladesh, India, Indonesia, Myanmar dan Nepal. Aliran keluar kasar terutamanya kiriman wang oleh pekerja asing diunjur meningkat 4.8% kepada RM35.7 bilion seiring dengan keperluan buruh yang lebih tinggi dalam sektor pembuatan, pembinaan dan perladangan. Sementara itu, kiriman wang oleh rakyat Malaysia yang bekerja di luar negeri dijangka kekal rendah.


Akaun kewangan mencatat aliran masuk bersih yang besar sebanyak RM24.4 bilion dalam tempoh separuh pertama 2018 terutamanya berikutan peletakan mata wang dan deposit yang lebih tinggi di institusi kewangan domestik yang mengimbangi aliran keluar pelaburan portfolio oleh bukan residen. Akaun pelaburan langsung mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM10 bilion disokong oleh pelaburan langsung masuk secara berterusan yang melebihi pelaburan langsung keluar. Pelaburan langsung masuk mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM16.3

bilion terutamanya disumbangkan oleh suntikan modal ekuiti MNC kepada subsidiari di Malaysia. Sementara itu, pelaburan langsung ke luar negeri disalurkan terutamanya dalam industri O&G serta subsektor kewangan dan insurans.

Pelaburan portfolio mencatat aliran keluar bersih yang besar sebanyak RM40.9 bilion terutamanya disebabkan oleh jualan bersih sekuriti hutang domestik yang lebih tinggi oleh pelabur asing. Aliran keluar portfolio oleh bukan residen didorong terutamanya oleh faktor luaran termasuk jangkaan normalisasi kadar faedah AS yang lebih pantas dan ketegangan perdagangan yang semakin meruncing. Dalam tempoh yang sama, pelabur residen terus memperoleh aset portfolio dalam ekuiti dana pelaburan saham serta sekuriti hutang di luar negeri. Walau bagaimanapun, pelaburan lain mencatat aliran masuk bersih yang ketara sebanyak RM54.8 bilion terutamanya berikutan peletakan mata wang dan deposit yang lebih tinggi dalam sistem perbankan domestik serta bayaran semula pinjaman luar yang lebih tinggi oleh bukan residen.

Pada 2019, akaun semasa dijangka terus mencatat lebihan walaupun mengecil antara 2% dan 3% daripada PNK disebabkan oleh lebihan akaun barangan yang lebih rendah serta peningkatan defisit dalam akaun perkhidmatan dan pendapatan. Lebihan akaun barangan dijangka merosot kepada RM128.2 bilion

Rajah 3.8. Rizab Antarabangsa



Pada 15 Oktober 2018, rizab antarabangsa Malaysia berjumlah RM426.1 bilion atau USD102.8 bilion mencukupi untuk membiayai 7.3 bulan import tertangguh dan 0.9 kali hutang luar negeri jangka pendek (akhir Disember 2017: RM414.7 bilion; USD102.4 bilion; 7.2 bulan; 1.1 kali).

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Rencana 3.2**Impak Perang Perdagangan kepada Ekonomi Malaysia****Pengenalan**

Globalisasi dan perdagangan bebas menjadi semakin penting sejak beberapa dekad yang lalu. Perkembangan ini telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, pengurangan kemiskinan dan peningkatan integrasi antara negara walaupun terdapat beberapa kekangan (Dollar et al., 2001). Perang perdagangan antara AS dan rakan dagangan utama khususnya China yang berlaku pada ketika ini telah membataskan perkembangan globalisasi. Kesan negatif daripada perang perdagangan ini dijangka meningkatkan kos perniagaan dan ketidakstabilan pasaran kewangan serta menjejaskan keyakinan pelabur.


Beberapa siri tindakan perdagangan telah diambil oleh AS bermula dengan pengenaan tarif yang tinggi terhadap semua rakan dagangannya bagi panel solar dan mesin basuh pada Januari 2018 diikuti oleh keluli dan aluminium pada Mac 2018. Konflik perdagangan menjadi semakin tegang apabila AS mengenakan tarif ke atas lebih 1,000 barangan import dari China dalam dua peringkat pada Julai dan Ogos yang bernilai USD50 bilion. Pada September, AS mengenakan tarif 10% ke atas hampir 6,000 barangan import dari China yang bernilai USD200 bilion. Kesan tindakan ini menyebabkan jumlah yang tertakluk kepada tarif lebih tinggi mencecah USD250 bilion bagi barangan dari China di samping tarif yang dikenakan ke atas panel solar, mesin basuh, keluli dan aluminium kepada semua rakan dagangan.¹ Tindak balas susulan oleh rakan dagangan dijangka meningkatkan lagi risiko terhadap perdagangan, pelaburan dan pertumbuhan global.

China kekal sebagai rakan dagangan terbesar Malaysia bagi sembilan tahun berturut-turut yang menyumbang 13.5% atau RM126 bilion kepada jumlah eksport pada 2017. Sementara itu, AS merupakan destinasi eksport ketiga terbesar menyumbang 9.5% atau RM88.7 bilion kepada jumlah eksport. Oleh itu, sebarang perkembangan yang berlaku kepada rakan dagangan utama ini akan memberi kesan langsung dan tidak langsung ke atas pertumbuhan ekonomi negara. Rencana ini menilai potensi impak kepada Malaysia berikutan pengenaan tarif oleh AS ke atas panel solar, mesin basuh, produk aluminium dan keluli serta kesan tidak langsung pengenaan tarif ke atas produk China bernilai USD250 bilion.

Impak kepada Ekonomi Malaysia

Impak langsung pengenaan tarif ke atas eksport Malaysia ke AS bagi panel solar, mesin basuh, keluli dan aluminium adalah minimum. Eksport produk tersebut ke AS hanya mewakili 0.8% daripada jumlah eksport atau RM7.3 bilion pada 2017. Impak secara tidak langsung ke atas eksport

Rajah 3.2.1. Eksport Malaysia ke China yang Merangkumi Produk yang Dikenakan Tarif oleh AS Bernilai USD250 bilion



¹ Termasuk peralatan pengangkutan, barangan optik dan saintifik, jentera khas, buah-buahan, sayur-sayuran, produk plastik, kaca, kain benang dan kayu.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia.

¹ Maklumat sehingga September 2018.

Rajah 3.2.2. Pengenaan Tarif Perdagangan antara Amerika Syarikat dan Republik Rakyat China



Amerika Syarikat

Tarif¹

- 30% ke atas panel solar
- 20% ke atas mesin basuh

Tarif¹

- 25% ke atas keluli
- 10% ke atas aluminium

Tarif bernilai USD50 bilion
Peringkat pertama: USD34 bilion

- 25% ke atas produk termasuk jentera, peralatan mekanikal dan perkakasan elektrik

Peringkat kedua: USD16 bilion

- 25% ke atas produk termasuk semikonduktor, plastik, bahan kimia dan traktor

Tarif bernilai USD200 bilion

- 10% ke atas produk termasuk E&E, perkakasan automotif, daging, sayur-sayuran, makanan laut dan komputer



Republik Rakyat China

2018
Januari

Mac

April

Tarif

- 25% ke atas sisa dan bahan buangan aluminium; daging khinzir
- 15% ke atas buah-buahan, kacang, paip keluli dan produk alkohol

Julai

Tarif bernilai USD50 bilion
Peringkat pertama: USD34 bilion

- 25% ke atas produk termasuk kacang soya dan kenderaan

Ogos

Peringkat kedua: USD16 bilion

- 25% ke atas produk terutamanya plastik, bahan kimia, minyak galian dan peralatan perubatan

September

Tarif bernilai USD60 bilion


- 5% ke atas produk termasuk kapal terbang kecil, komputer dan tekstil
- 10% ke atas produk terdiri daripada bahan kimia, daging, gandum, wain dan gas asli cecair

¹ Dikenakan ke atas semua rakan dagangan.
Sumber: US Trade Representative Office; Ministry of Commerce PR China; Peterson Institute for International Economics; dan Bloomberg.


Malaysia berikutan pengenaan tarif lebih tinggi ke atas USD250 bilion produk China mencakupi 12% daripada jumlah keseluruhan eksport Malaysia atau RM108 bilion (USD25.1 bilion) pada 2017. Sebahagian besar daripada produk tersebut adalah E&E khususnya barangan elektronik, mesin pejabat, peralatan pemprosesan data automatik serta mesin dan perkakasan elektrik. Produk lain termasuk minyak mentah dan gas; bijih logam dan barangan perlombongan lain; serta produk kimia, plastik dan getah.

Hampir 50% daripada eksport Malaysia merupakan input kepada produk akhir China yang dieksport ke AS (OECD, 2014). Berdasarkan andaian ini, eksport Malaysia dijangka berkurang sebanyak 0.08 mata peratusan manakala KDNK sebanyak 0.02 mata peratusan dalam tempoh 2018 – 2020. Sekiranya perang perdagangan semakin meruncing dan menjejaskan pengeluaran global sebanyak 0.4 mata peratusan menjelang 2020, ekonomi Malaysia dijangka merosot sehingga 0.7 mata peratusan. Jangkaan ini berdasarkan kepada analisis ekonometrik yang menunjukkan bahawa penurunan 10% dalam pertumbuhan global akan mengurangkan KDNK Malaysia sebanyak 14%.²

Rajah 3.2.3. Impak kepada Eksport dan KDNK Malaysia



Rajah 3.2.4. Senario Terburuk



Ketegangan perdagangan antara AS dan China mengakibatkan kesan negatif bukan sahaja kepada perdagangan dan pertumbuhan global tetapi juga menjejaskan rantai bekalan yang memberi kesan kepada perniagaan, pekerjaan dan pengguna. Di samping itu, tekanan inflasi yang melebihi jangkaan juga akan mempercepat kenaikan kadar faedah oleh Rizab Persekutuan AS seterusnya boleh menjejaskan pelaburan dan permintaan penstokan semula global. Walau bagaimanapun, faedah perdagangan yang besar akan diperoleh apabila AS dan China mengalihkan permintaan barangan import kepada negara yang berkembang pesat serta penempatan semula MNC bagi mengelakkan pengenaan tarif ini. Langkah penempatan semula ini akan mengambil masa untuk direalisasikan memandangkan MNC memerlukan lebih kepastian dari segi tempoh dan kesan signifikan perang perdagangan.

Kesimpulan

Malaysia telah membangunkan rangkaian dagangan yang kukuh dan kepelbagaian sektor yang membolehkan syarikat tempatan menangani halangan serta mencari peluang baharu dan pasaran alternatif. Negara terus komited untuk terlibat dan mengambil inisiatif perdagangan termasuk melalui perjanjian dua hala dan pelbagai hala yang akan memberi manfaat kepada syarikat dan usahawan Malaysia. Antara Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) yang akan disertai termasuk Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP), ASEAN – Hong Kong FTA, Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP), Perjanjian Perkongsian Persatuan Perdagangan Bebas Malaysia – Eropah (MEEPA) dan Perjanjian Perdagangan Keutamaan Malaysia – Iran (MIPTA).

² Anggaran Kementerian Kewangan Malaysia.

berikutan pertumbuhan import yang melebihi eksport selaras dengan permintaan berterusan bagi barangan modal dan pengantara. Defisit akaun perkhidmatan dijangka meningkat kepada RM33.1 bilion berikutan kebergantungan berterusan terhadap penyedia perkhidmatan asing bagi pengangkutan serta perkhidmatan berkaitan perdagangan dan teknikal. Sementara itu, lebih akaun perjalanan dijangka meningkat kepada RM28.2 bilion disumbangkan oleh ketibaan dan perbelanjaan per kapita pelancong yang berterusan melebihi perbelanjaan residen yang berkunjung ke luar negeri untuk percutian, perniagaan dan keagamaan.

Akaun pendapatan primer diunjur mencatat defisit lebih tinggi sebanyak RM41.1 bilion. Defisit ini terutamanya disebabkan oleh jangkaan keuntungan lebih tinggi oleh MNC yang diperbadankan dalam negara serta peningkatan aliran keluar bersih bagi pampasan untuk kepakaran dan kemahiran profesional asing. Sementara itu, aliran keluar bersih dalam akaun pendapatan sekunder dijangka meningkat kepada RM20 bilion disebabkan oleh kiriman wang keluar oleh pekerja asing yang dijangka kekal tinggi selaras dengan peningkatan kadar gaji minimum.

Harga

Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat 1.3% (y-o-y) bagi Januari hingga Ogos 2018. Kenaikan yang perlahan ini disebabkan oleh harga komoditi yang lebih rendah dan prestasi ringgit yang lebih kukuh seterusnya mengurangkan tekanan ke atas harga makanan dan minuman bukan alkohol yang mencatat 2%. Harga kumpulan perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain turut meningkat 2%. Kumpulan pengangkutan berkembang pada kadar yang lebih perlahan 2.7% berikutan kesan asas yang tinggi pada 2017. Kadar inflasi dijangka berkembang sederhana antara 1.5% dan 2.5% pada 2018. Perkembangan ini terutamanya disebabkan oleh penetapan harga minyak petrol RON95 dan diesel pada RM2.20 dan RM2.18 seliter serta penetapan kadar sifar GST mulai Jun hingga Ogos 2018. Sementara itu, inflasi pada 2019 diunjur meningkat antara 2.5% dan 3.5% sebahagiannya disumbangkan oleh kesan asas berikutan GST pada kadar sifar serta pelaksanaan SST. Selain itu, prospek pertumbuhan kadar inflasi juga bergantung kepada ketidaktentuan harga minyak global, ketegangan geopolitik, perang perdagangan dan perubahan kadar tukaran mata wang asing.

Jadual 3.14. Indeks Harga Pengguna
Januari – Ogos
(2010 = 100)

	Wajaran ¹	Perubahan (%)		Sumbangan kepada pertumbuhan IHP (mata peratusan)	
		2017	2018	2017	2018
Makanan dan minuman bukan alkohol	29.5	3.8	2.0	1.16	0.64
Minuman alkohol dan tembakau	2.4	0.1	-0.2	0.00	-0.01
Pakaian dan kasut	3.2	-0.3	-1.5	-0.01	-0.04
Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain	23.8	2.2	2.0	0.49	0.45
Hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah	4.1	2.0	0.7	0.08	0.03
Kesihatan	1.9	2.7	1.3	0.05	0.03
Pengangkutan	14.6	13.5	2.7	1.66	0.38
Komunikasi	4.8	-0.3	-1.8	-0.01	-0.07
Perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan	4.8	2.7	-0.6	0.12	-0.03
Pendidikan	1.3	1.6	1.1	0.02	0.01
Restoran dan hotel	2.9	2.4	1.6	0.07	0.05
Pelbagai barangan dan perkhidmatan	6.7	1.3	-0.8	0.08	-0.05
IHP	100.0	3.9	1.3	3.88	1.26

¹ Wajaran berdasarkan Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah 2016.


Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Rencana 3.3**Penentu Inflasi di Malaysia****Pengenalan**

Kadar inflasi di Malaysia diukur melalui Indeks Harga Pengguna (IHP) menunjukkan trend meningkat sejak 2010. Inflasi mencatat kadar kenaikan terendah pada Februari 2015 iaitu 0.1% dan tertinggi pada Mac 2017 iaitu 4.9%. Sementara itu, kadar purata inflasi jangka panjang berada pada kadar 2.5% antara 2010 dan 2018. Sebahagian besar wajaran IHP (67.9%) merangkumi tiga daripada 12 kumpulan iaitu makanan & minuman bukan alkohol; perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain; dan pengangkutan.

Rajah 3.3.1. Indeks Harga Pengguna (2010 = 100)

**Penentu Indeks Harga Pengguna**

Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi perubahan IHP. Faktor ini termasuk perubahan kadar faedah, kadar pertukaran mata wang, tahap gaji, harga bahan api, kedudukan fiskal, pertumbuhan ekonomi, permintaan dan kos (Hassan et al., 2016). Bagi menangani isu ini, elemen utama dasar monetari iaitu kadar faedah jangka pendek boleh digunakan untuk mempengaruhi inflasi dan pengeluaran masa hadapan (Alvarez et al., 2001). Sementara itu, dalam ekonomi terbuka, penurunan kadar pertukaran mata wang memberi kesan kepada harga produk domestik seterusnya meningkatkan permintaan agregat. Kadar pertukaran yang rendah menyebabkan produk negara menjadi lebih murah seterusnya meningkatkan eksport (Zakaria et al., 2012). Walau bagaimanapun, kejatuhan kadar pertukaran yang besar dan berterusan akan meningkatkan inflasi kerana harga import menjadi lebih mahal (BNM, 2015) berbanding dengan peningkatan kadar pertukaran.

Faktor lain yang mempengaruhi inflasi ialah peningkatan kadar upah yang berlaku apabila firma bersaing untuk mendapatkan tenaga buruh. Kitaran ini akan sentiasa berulang dan menyebabkan kadar upah terus meningkat (Layard et al., 1994). Selain itu, kenaikan harga bahan api termasuk harga minyak mentah akan menyebabkan harga barangan dan perkhidmatan meningkat kerana peningkatan kos pengeluaran (Murdipi et al., 2016). Peningkatan kos tersebut menyebabkan inflasi tolakan kos kerana pengeluar menaikkan harga untuk mengekalkan margin keuntungan (Shaari et al., 2013). Kedudukan fiskal negara turut mempengaruhi kadar inflasi. Defisit fiskal boleh meningkatkan bekalan wang dalam ekonomi, menyebabkan kenaikan harga (Olasunkanmi et al., 2016). Di samping itu, pertumbuhan dipacu permintaan juga menyebabkan inflasi tarikan permintaan apabila ekonomi menggunakan sumber yang terhad dalam keadaan penawaran agregat jangka pendek yang tidak anjal (Munyeka, 2014).

Analisis Inflasi di Malaysia

Rencana ini mengkaji kesan kadar pertukaran mata wang, harga minyak mentah, nisbah hutang luar/eksport dan cukai tidak langsung (CTL) per kapita ke atas kadar inflasi dalam negara. Analisis ini menggunakan kaedah Autoregressive Distributed Lag (ARDL) seperti yang digunakan dalam kajian oleh Hassan et al., (2016) untuk menganggar kadar inflasi di Malaysia. Pemboleh ubah yang dipilih dalam rencana ini adalah:

- Kadar pertukaran mata wang

Ringgit menyusut dalam tempoh 2010 – 2018 terutamanya disebabkan faktor luaran seperti perang perdagangan serta aliran keluar dana asing berikutan normalisasi kadar faedah di negara maju. Penyusutan ini mempengaruhi inflasi terutamanya melalui inflasi diimport khususnya bagi barangan makanan dengan kos RM25 bilion setahun.

- Harga minyak mentah

Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah (2016), menunjukkan bahawa perbelanjaan ke atas bahan api merangkumi 38.4% daripada jumlah perbelanjaan bulanan isi rumah. Harga minyak Brent mengalami perubahan signifikan di antara USD124.93 setong pada Mac 2012 dan USD30.80 setong pada Januari 2016 memberi kesan ke atas kumpulan pengangkutan yang merangkumi sekitar 15% daripada wajaran IHP.


- Nisbah hutang luar/eksport

Nisbah hutang luar/eksport merupakan indikator ringkas yang menunjukkan kemampuan sesebuah ekonomi untuk membayar hutang luar melalui pendapatan eksport. Nilai nisbah bawah satu menunjukkan hutang boleh dibayar dalam tempoh kurang daripada setahun. Nisbah hutang luar/eksport Malaysia telah meningkat daripada 7.7 pada 2010 kepada 11.3 pada 2018.


- Cukai tidak langsung per kapita

Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) diperkenalkan pada April 2015 dengan kadar 6% yang kemudian ditetapkan pada kadar sifar mulai Jun hingga Ogos 2018. Cukai Jualan (5% dan 10%) dan Cukai Perkhidmatan (SST) pada kadar 6% diperkenalkan semula mulai September 2018. Secara purata SST dan GST per kapita mencatat RM127 dan RM328.

Rajah 3.3.2. Trend Indeks Harga Pengguna, Kadar Pertukaran dan Harga Minyak Mentah



Sumber: Jabatan Perangkaan, Bank Negara dan Kementerian Kewangan Malaysia.


Rajah 3.3.3. Trend Indeks Harga Pengguna, Nisbah Hutang Luar/Eksport dan Cukai Tidak Langsung Per Kapita

Sumber: Jabatan Perangkaan, Bank Negara dan Kementerian Kewangan Malaysia.

Berdasarkan metodologi ARDL, kajian ini menggunakan data bulanan bagi tempoh 2010 hingga 2018. Kaedah ini dianggap paling sesuai untuk menangani sifat data yang mempunyai frekuensi tinggi dan dipengaruhi oleh kesan susulan (*lag effect*). Semua data adalah dalam bentuk logaritma.

Penemuan

Analisis kajian menunjukkan kadar pertukaran mata wang, harga minyak mentah, nisbah hutang luar/eksport dan CTL per kapita mempunyai impak yang signifikan terhadap IHP. Penemuan tersebut boleh ditafsirkan seperti berikut: setiap 1% perubahan dalam kadar pertukaran mata wang, harga minyak mentah, nisbah hutang luar/eksport dan CTL per kapita akan meningkatkan kadar IHP keseluruhan sebanyak 0.337%, 0.112%, 0.094% dan 0.073%.

Rajah 3.3.4. Penentu Indeks Harga Pengguna

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, (anggaran).

Kesimpulan

Secara keseluruhan, kadar pertukaran mata wang mempunyai impak yang signifikan terhadap IHP diikuti harga minyak mentah, nisbah hutang luar/eksport dan CTL per kapita. Sehubungan itu, dasar bersepadu perlu dilaksanakan demi memperkukuh asas ekonomi negara, menggalakkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui, menambah baik sistem pengangkutan awam, menyokong penghasilan produk bernilai tambah tinggi serta meningkatkan keberkesanan dan kecekapan kutipan cukai. Di samping itu, rangka kerja Local Currency Settlement Framework¹ yang menggalakkan penggunaan mata wang tempatan secara meluas dalam perdagangan dan pelaburan boleh diterokai bagi mengurangkan kesan volatiliti kadar pertukaran.

¹ Bank Indonesia, Bank Negara Malaysia dan Bank of Thailand.

**Jadual 3.15. Indeks Harga Pengeluar
Januari – Ogos
(2010 = 100)**


	Wajaran ¹	Perubahan (%)		Sumbangan kepada pertumbuhan IHPR (mata peratusan)	
		2017	2018	2017	2018
IHPR	100.0	8.2	-0.9	8.22	-0.90
Pertanian, perhutanan dan perikanan	6.7	12.5	-11.6	0.87	-0.82
Perlombongan	7.9	26.3	19.0	1.46	1.20
Pembuatan	81.6	6.5	-1.9	5.48	-1.54
Bekalan elektrik dan gas	3.4	2.6	1.0	0.10	0.04
Bekalan air	0.3	0.1	0.4	0.00	0.00
IHPR mengikut peringkat pemprosesan	100.0	8.2	-0.9	8.22	-0.90
Bahan mentah untuk diproses selanjutnya	16.4	4.5	4.3	0.76	0.68
Bahan perantaraan, bekalan dan komponen	56.1	7.8	-2.1	4.47	-1.16
Barangan siap	27.5	3.9	-2.5	1.07	-0.64

¹ Wajaran berdasarkan Banci Ekonomi 2016.

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

**Rajah 3.9. Trend IHP dan IHPR
(% perubahan)**



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) menyusut 0.9% (y-o-y) antara Januari dan Ogos 2018 terutamanya disebabkan oleh penguncupan 1.9% dalam sektor pembuatan. Penguncupan ini berikutan kos pengeluaran yang lebih rendah disokong oleh nilai ringgit yang lebih kukuh berbanding tahun lepas. Di samping itu, IHPR sektor pertanian, perhutanan dan perikanan menguncup 11.6% berikutan harga

komoditi yang lebih rendah. Sementara itu, kenaikan harga minyak mentah telah menyebabkan indeks sektor perlombongan mencatat peningkatan dua digit iaitu 19%. Pada 2018, IHPR dijangka berkembang secara marginal berikutan kos input global yang lebih rendah. Pada 2019, trend IHPR dijangka meningkat berikutan harga komoditi yang lebih tinggi.

Pasaran Buruh

Bagi tempoh separuh pertama 2018, kadar pengangguran kekal 3.4%. Jumlah tenaga buruh meningkat 1.6% kepada 15.1 juta. Di samping itu, jumlah penduduk bekerja meningkat 1.7% kepada 14.6 juta dengan sektor perkhidmatan mencatat bilangan tertinggi iaitu 9.1 juta atau 62.2% daripada jumlah guna tenaga diikuti sektor pembuatan (17.3%) dan sektor pertanian (11%). Kekosongan pekerjaan berkurang kepada 550,449 manakala bilangan pencari kerja aktif berkurang 22.3% kepada 241,046 dengan 1.7% merupakan pendaftar baharu. Selaras dengan keadaan pasaran buruh yang menggalakkan, bilangan pekerja yang diberhentikan kekal rendah iaitu 9,249 orang.

Pasaran buruh dijangka kekal menggalakkan pada 2018 dan 2019. Kadar pengangguran dijangka kekal 3.3% dengan lebih banyak peluang pekerjaan baharu dalam ekonomi. Jumlah penduduk bekerja dijangka meningkat kepada 14.8 juta pada 2018 dan 15.1 juta pada 2019. Seramai 9.3 juta dijangka bekerja dalam sektor perkhidmatan pada 2019 berbanding 9 juta pada 2018. Sementara itu, jumlah pekerja dalam sektor pembuatan dan pertanian diunjur kekal 2.5 juta dan 1.9 juta pada 2018 dan 2019.

Pada akhir Ogos 2018, bilangan pekerja asing berdaftar berkurang kepada 1.7 juta. Peraturan pekerja asing daripada jumlah guna tenaga kekal rendah pada 12% berikutan usaha Kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing berkemahiran rendah supaya tidak melebihi 15% daripada jumlah guna tenaga pada 2020. Sebahagian besar pekerja asing berasal dari Indonesia (39%), Nepal (20.9%) dan

Jadual 3.16. Penunjuk Pasaran Buruh

	('000)			Perubahan (%)		
	H1 ¹	2018 ²	2019 ³	H1 ¹	2018 ²	2019 ³
Tenaga buruh	15,137	15,278	15,576	1.6	2.2	1.9
Guna tenaga	14,629	14,767	15,062	1.7	2.2	2.0
Pengangguran	508	511	514	(3.4)	(3.3)	(3.3)

¹ Januari hingga Jun 2018.

² Anggaran.

³ Unjuran.

Nota: Angka dalam kurungan ialah kadar pengangguran.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi Malaysia.

Bangladesh (18%). Sektor pembuatan menggaji sebahagian besar pekerja asing (37.1%) diikuti oleh sektor pembinaan (17.8%) dan perladangan (15.8%). Sementara itu, jumlah ekspatriat berkurang 26.3% kepada 108,994 orang. Majoriti ekspatriat terdiri daripada warga India (21.2%) diikuti China (15.4%) dan Bangladesh (12.2%). Ekspatriat bekerja terutamanya dalam sektor perkhidmatan (54.1%), teknologi maklumat (25.4%) dan pembuatan (7.3%).

Produktiviti buruh meningkat pada suku kedua 2018 kepada RM81,285 atau 2% (DOSM, 2018). Pada 2018, produktiviti buruh dijangka meningkat kepada RM83,300 atau 2.5%. Sektor pembuatan dijangka merekodkan pertumbuhan tertinggi iaitu 3.8% diikuti sektor pembinaan (3.3%) dan perkhidmatan (3.2%). Pada 2019, produktiviti buruh diunjur mencapai RM85,600 atau 2.9% berikutan peningkatan produktiviti dalam sektor pembuatan (3.9%) dan pembinaan (3.4%). Walau bagaimanapun, pertumbuhan produktiviti sektor perkhidmatan dijangka berkurang 3%.

Jadual 3.17. Guna Tenaga mengikut Sektor

	('000)			Bahagian (%)		
	H1 ²	2018 ³	2019 ⁴	H1 ²	2018 ³	2019 ⁴
Pertanian, perhutanan dan perikanan	1,608.3	1,855.7	1,868.5	11.0	12.6	12.4
Perlombongan dan pengkuarian	95.2	81.2	81.3	0.7	0.6	0.5
Pembuatan	2,535.6	2,461.6	2,478.7	17.3	16.7	16.5
Pembinaan	1,290.0	1,347.0	1,362.7	8.8	9.1	9.0
Perkhidmatan	9,099.9	9,021.5	9,270.9	62.2	61.1	61.6
Jumlah¹	14,628.9	14,767.0	15,062.1	100.0	100.0	100.0

¹ Jumlah termasuk 'Aktiviti badan dan pertubuhan luar wilayah'.

² Januari hingga Jun 2018.

³ Anggaran.

⁴ Unjuran.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi Malaysia.

Kesimpulan

Prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia dalam jangka masa terdekat kekal berdaya tahan dengan asas makroekonomi yang kukuh, kedudukan kewangan yang stabil serta struktur ekonomi yang pelbagai dan menyeluruh. Permintaan domestik terus memacu ekonomi manakala sektor luar mendapat manfaat daripada pertumbuhan dan aktiviti perdagangan global yang stabil. Walau bagaimanapun, Malaysia yang mengamalkan dasar ekonomi terbuka terus berhadapan dengan pelbagai risiko terutamanya berkaitan ketidaktentuan persekitaran luar. Peningkatan volatiliti pasaran kewangan dan dasar perlindungan serta ketegangan

perdagangan yang semakin meruncing dijangka menjejaskan aliran perdagangan dan pelaburan global seterusnya memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia. Melangkah ke hadapan, pelbagai inisiatif akan terus dilaksanakan oleh Kerajaan bagi memperkukuh pembaharuan struktur dan mempercepat peralihan negara untuk mencapai status negara maju. Inisiatif ini termasuk menangani ketidaksepadanan dalam pasaran buruh; menambah baik kualiti pendidikan dan latihan; mempelbagaikan lagi produk dan pasaran eksport; mempergiat inovasi dan penggunaan teknologi; serta meningkatkan potensi ekonomi digital demi memacu pertumbuhan masa hadapan.

Rujukan

- Alvarez, F., Lucas, R. E. & Weber, W. E. (2001). Interest rate and Inflation. *The American Economic Review*, 91(2), 219-225.
- Bank Dunia. (2018). *Malaysia's Digital Economy: A New Driver of Development*. Washington, DC: World Bank.
- Bank Negara Malaysia. (2016). *Annual Report 2015: The Impact of Exchange Rate Depreciation on Inflation in Malaysia*. Dicapai daripada http://www.bnm.gov.my/files/publication/ar/en/2015/cp01_004_box.pdf
- Dollar, D. & Kraay, A. (2001). *Trade, Growth and Poverty*. (Working Paper No. WPS 2615). Washington, DC: World Bank Policy Research.
- Fortanier, F. and Matei, S. (2017). *Measuring Digital Trade: Results of the OECD-IMF Stocktaking Survey*. Dicapai daripada <https://www.imf.org/external/pubs/ft/bop/2017/pdf/17-07.pdf>
- Hassan, M. S., Islam, F. & Ijaz, M. (2016). Inflation in Pakistan: Evidence from ARDL Bounds Testing Approach. *International Journal of Management Development*, 1(3):181-195.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2017). *Penyiasatan Penggunaan dan Capaian ICT oleh Individu dan Isi Rumah*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2017). *Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah 2016*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2018). *Produktiviti Buruh: Suku Kedua 2018*. Dicapai daripada <https://www.dosm.gov.my>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2018). *Statistik Kecenderungan Perniagaan: Suku Ketiga 2018*. Dicapai daripada <https://www.dosm.gov.my>
- Layard, R., Nickell, S. & Jackman, R. (1994) *The Unemployment Crisis*. Oxford: Oxford University Press.
- LTE OpenSignal. (2018). *The State of LTE*. Dicapai daripada <https://opensignal.com/reports/2018/02/state-of-lte>
- Munyeka, W., (2014). The Relationship between Economic Growth and Inflation in the South African Economy. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 5(15), 2039-2117.
- Murdiipi, R. & Law, S. H., (2016). Dynamic Linkages between Price Indices and Inflation in Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 50(1), 41-52.
- Olasunkanmi, O. I. & Yetunde, S. H. (2016). Does Fiscal Deficit Granger Cause Impulsiveness in Inflation Rate in Nigeria?. *Economica*, 12(4), 208-216.
- Organisation of Economic Development. (2014). *Trade in Value Added Nowcast Estimates*. Dicapai daripada https://stats.oecd.org/Index.aspx?DataSetCode=TIVA_NOWCAST
- Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia. (2017). *Malaysia's National eCommerce Strategic Roadmap*. Cyberjaya: Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia.
- Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia. (2018). *Developing the NXGeneration Cybersecurity Industry*. Cyberjaya: Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia.
- Shaari, M. S., Tan, L. P. & Rahim, H. A., (2013). Effects of Oil Price Shocks on the Economic Sectors in Malaysia. *International Journal of Energy Economics and Policy*, 3(4), 360-366.
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. (2017). *Internet Users Survey 2017*. Dicapai daripada <https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/MCMC-Internet-Users-Survey-2017.pdf>
- Tabung Kewangan Antarabangsa. (2018). *Measuring the Digital Economy, Policy Paper (No. 022818)*. Dicapai daripada <https://www.imf.org/en/Publications/Policy-Papers/Issues/2018/04/03/022818-measuring-the-digital-economy>
- Zakaria, N. A., Rahim, H. A. & Merous, N. H. (2012). The Impact of Exchange Rate on Malaysia Wood Export. *International Journal of Business and Technopreneurship*, 2(3), 511-520.